



PARA pelajar UMP merakamkan gambar kenangan selepas menyertai program kesukarelawanan 'Lil Elephant' di Pusat Konservasi Gajah, Lanchang di Temerloh, Pahang baru-baru ini.

# Sukarelawan UMP timba pengalaman di Pusat Konservasi Gajah

KOSMO (Cicomuniti)  
6 JUN 2016 m/50

## PENGALAMAN.

Seramai 38 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama penduduk Kampung Beruas terlibat dalam program kesukarelawanan 'Lil Elephant' anjuran Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 5 UMP di Pusat Konservasi Gajah, Lanchang di Temerloh, Pahang baru-baru ini.

Penasihat program itu, Nooraziah Abdul Ghaffar berkata, penganjuran kali ini melibatkan penyertaan mahasiswa termasuk pelajar dari luar negara bersama-sama penduduk setempat bertujuan



Gambar dan berita yang disiarkan dalam **Komuniti Kita** kini boleh diakses di laman web [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my).

menjayakan inspirasi memasyarakatkan universiti.

"Selain memperoleh pengalaman baharu, mahasiswa dapat mengeratkan hubungan

silaturahim dengan penduduk kampung menerusi aktiviti seperti bergotong-royong membersihkan kandang gajah dan kawasan pusat pemeliharaan," katanya.

Sempena program tersebut, para peserta berpeluang mendekati, memberi makan dan memandikan gajah selain berpeluang menyaksikan pertunjukan haiwan tersebut.